Jawapan

Bab 1

Soalan Aneka Pilihan

1 D	**2** D	**3** A
4 B	**5** D	

Soalan Struktur

1 (a) Dua faktor yang mempengaruhi pengelolaan bilik darjah berkesan
- (i) faktor fizikal bilik darjah
- (ii) faktor kemanusiaan
- (iii) faktor teknikal dan pengurusan masa

(b) Dua suasana fizikal bilik darjah yang sempurna dan baik serta boleh meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran guru.
- (i) susunan kerusi meja
- (ii) suasana bilik darjah
- (iii) saiz bilik darjah
- (iv) pencahayaan dan edaran udara
- (v) kebersihan bilik darjah
- (vi) elakkan gangguan bunyi

Bab 2

Soalan Aneka Pilihan

1 A	**2** B	**3** B
4 D	**5** D	

Soalan Struktur

1 (a) Dua ciri bahasa menurut Teori Struktural
- (i) pertuturan
- (ii) bersistem
- (iii) arbitrari
- (iv) perhubungan

(b) Dua jenis konstruk yang terdapat dalam teori ini
- (i) Konstruk endosentrik bermaksud salah satu daripada unsurnya boleh mewakili keseluruhan konstruk.
- (ii) Konstruk eksosentrik bermaksud tidak ada satu unsur pun yang boleh mewakili keseluruhan konstruk.

Bab 3

Soalan Aneka Pilihan

1 B	**2** C	**3** A
4 A	**5** C	

Soalan Struktur

1 (a) Dua perkara utama yang memainkan peranan dalam penguasaan bahasa mengikut Teori Pemerolehan Bahasa Mentalis (Chomsky):
- (i) *Competence*/kecekapan, iaitu kebolehan membuat rumus-rumus tentang bahasa dan berfungsi untuk menghasilkan ujaran atau ayat.
- (ii) *Performance*, iaitu penggunaan terhadap apa yang diketahui tentang bahasa.

(b) Tiga ciri Teori Mentalis
- (i) Penguasaan bahasa mempunyai hubungan erat dengan kebolehan mental.
- (ii) Manusia secara semula jadi mempunyai kebolehan untuk menguasai bahasa.
- (iii) *Competence dan performance* mempunyai daya cipta untuk menghasilkan dan menggunakan bahasa yang diketahui.

(iv) Bahasa dihuraikan melalui analisis transformasi–genaratif yang mengandungi struktur dalaman dan struktur luaran.
(v) Kesalahan membentuk rumus tidak dianggap sebagai kegagalan sebaliknya sebagai percubaan hipotesis.

Soalan Esei

(a) Teori Mentalis
(i) Tokoh penting – Noami Chomsky
(ii) Teori ini menjelaskan bahawa bahasa sebagai pengetahuan yang dihasilkan melalui proses dalam otak.
(iii) Menurut teori ini bahasa aktiviti mental yang merupakan kebolehan semula jadi manusia.
(iv) Manusia itu dilahirkan bersama Peranti Pemerolehan Bahasa *(Language Acquisition Device)* atau dikenali sebagai LAD.
(v) Alat ini akan menyebabkan manusia mempunyai kebolehan secara semula jadi untuk menguasai bahasa.

(b) Teori Interaksionalis
(i) Tokoh penting – Bloom, Bowennan, Cromer dan Halliday
(ii) Kebolehan kognitif sahaja tidak dapat menjelaskan pemerolehan bahasa kerana perkembangan kognitif hanya melengkapkan seseorang kanak-kanak dengan kebolehan mentafsir makna, tetapi pentafsiran ini tidak boleh dilahirkan dalam bentuk bahasa.
(iii) Mereka berkompromi dengan mengambil jalan tengah antara teori behavourisme dan mentalis.
(iv) Berpendapat persekitaran luaran dan faktor bawaan semula jadi memainkan peranan yang penting dalam pemerolehan bahasa kanak-kanak.
(v) Kanak-kanak yang berkenaan perlu didedahkan kepada interaksi linguistik supaya mereka boleh mempelajari cara-cara menggambarkan makna-makna kognitif dalam bentuk-bentuk bahasa yang tepat.

Bab 4

Soalan Aneka Pilihan

1 B	**2** C	**3** D
4 A	**5** B	

Soalan Struktur

1 (a) Empat ciri pengajaran menggunakan kaedah Tatabahasa Terjemahan.
(i) Berfokuskan kepada aspek tulisan
(ii) Berteraskan pendekatan deduktif
(iii) Pengajaran dan praktikalnya berdasarkan ayat
(iv) Menekankan kepada hafalan peraturan tatabahasa
(v) Mengekalkan bahasa pertama sebagai sistem rujukan

(b) Tiga kelebihan dan kekuatan Kaedah Terus dalam pengajaran bahasa.
(i) Penglibatan murid secara aktif
(ii) Penglibatan murid secara menyeluruh
(iii) Murid dapat berkomunikasi dengan cepat
(iv) Menekankan aspek penguasaan bahasa dalam komunikasi

Soalan Esei

1 (a) Maksud proses komunikasi sebenar:
- Berfokus kepada bentuk-bentuk komunikatif autentik
- Berlaku setiap hari dalam amalan bermasyarakat
- Memenuhi pelbagai tujuan mengikut situasi komunikasi
- Tertumpu kepada penyerapan bentuk gramatikal untuk tujuan komunikasi

(b) Tiga kebaikan pendekatan Komunikatif
- Murid boleh menggunakan bahasa yang sesuai mengikut kesesuaian dan tujuan.
- Murid yakin untuk berkomunikasi kerana tidak bimbang ditegur guru, sebaliknya teguran diberikan secara bertulis pada masa lain.
- Murid berpeluang belajar aspek sosiobudaya dan menggunakan bahasa secara bersopan santun dan bertatasusila semasa komunikasi.

Bab 5

Soalan Aneka Pilihan

1 D	**2** A	**3** A
4 D	**5** D	

Soalan Struktur

1 (a) Lima ciri pendekatan komunikatif
- (i) Makna merupakan aspek terpenting.
- (ii) Percakapan harus berpusat kepada fungsi komunikatif dan tidak dihafal.
- (iii) Kontekstualisasi merupakan penerokaan utama dalam mencerap ilmu.
- (iv) Belajar bahasa membawa maksud berkomunikasi.
- (v) Komunikasi efektif dianjurkan.
- (vi) Latihan penubihan dibolehkan, tetapi tidak boleh membebankan.
- (vii) Ucapan yang dapat difahami dijadikan keutamaan.
- (viii) Setiap alat bantu pengajaran diaplikasikan dengan mantap.
- (ix) Segala upaya untuk berkomunikasi dapat didorong sejak awal.
- (x) Penggunaan bahasa secara bijaksana diberikan penekanan.
- (xi) Terjemahan digunakan dalam pengajaran jika diperlukan.

(b) Lima proses pengajaran komunikatif
- (i) Guru memberikan situasi dan soalan tugasan kepada murid.
- (ii) Murid berbincang dengan rakan tentang soalan tugasan yang diterima.
- (iii) Murid bertanya dan berbincang dengan guru.
- (iv) Murid menjalankan wawancara di hadapan bilik darjah.
- (v) Guru memberikan pandangan dan saranan untuk penambahbaikan

2 (a) Dua ciri pendekatan eklektik
- (i) Dua hala iaitu induktif ke deduktif dan deduktif ke induktif.
- (ii) Murid dapat memahami contoh dan generalisasi.
- (iii) Sesuai dilaksanakan dengan beberapa kaedah.

(b) Tiga prinsip pendekatan eklektik
- (i) Berbagai-bagai aplikasi kaedah untuk pengajaran semua kemahiran berbahasa perlu diterap menerusi penggunaan pendekatan eklektik.
- (ii) Daya kreatif perlu diterap untuk merangsang motivasi murid.
- (iii) Latihan dapat meningkatkan kredibiliti murid dalam kemahiran bahasa.
- (iv) Penggunaan bahasa yang aktif menunjukkan kefahaman murid terhadap pemikiran konkrit kepada abstrak atau sebaliknya.
- (v) Kemahiran kognitif wajar disusun mengikut contoh yang pelbagai, termasuk penghayatan terhadap kesimpulan yang tepat dan padat.

Bab 6

Soalan Aneka Pilihan

1 C	**2** B	**3** A
4 C	**5** D	

Soalan Struktur

1 (a) Empat ciri pembelajaran berasaskan permainan:
- (i) Syarat dan peraturan dalam permainan mendorong persaingan sihat.
- (ii) Permainan mewujud hubungan yang rapat antara tindakan dan maklum balas.
- (iii) Murid berpeluang melakukan sendiri aktiviti dan permainan.
- (iv) Murid berpeluang menilai keputusan mereka dan seterusnya merancang tindakan susulan.
- (vi) Cabaran dalam permainan perlu sesuai dengan tahap kemahiran murid.
- (vii) Permainan yang mencabar mendorong murid memperoleh kemahiran dan pengetahuan yang baharu.

(b) Kebaikan pembelajaran berasaskan permainan
- (i) Memberikan peluang kepada murid memperoleh latihan secara intensif.

(ii) Mendiagnosis atau melakukan bedah siasat terhadap pencapaian murid.
(iii) Menimbulkan situasi pembelajaran yang menggembirakan murid.
(iv) Memupuk kemampuan saling bersaing dalam kalangan murid.
(v) Menanamkan semangat bekerjasama dalam kalangan murid.
(vi) Melatih murid untuk mengaktifkan kecekapan berbahasa.
(viii) Mengembangkan penguasaan murid dalam keempat-empat kemahiran bahasa.

Soalan Esei

(a) Seorang guru boleh mengaplikasikan aspek JERIS sewaktu membimbing murid mengenal pasti sesuatu isi tersirat dalam rumusan Bahasa Malaysia adalah dengan:
(i) Mengaktifkan pergerakan murid bagi bertindak, seperti bangun berbahas dalam kumpulan (JASMANI).
(ii) Mewujudkan suasana mesra guru dan mesra murid supaya tercetus perasaan gembira, yakin, seronok dan sebagainya ketika murid mengambil bahagian (EMOSI).
(iii) Menyerapkan akhlak dan nilai-nilai murni, seperti kerjasama dan rajin (ROHANI).
(iv) Mendorong murid berfikir dalam suasana yang selesa dan kondusif (INTELEK).
(v) Menekankan aspek kesantunan berbahasa semasa mengambil bahagian (SAHSIAH).

(b) Lima teknik menyelesaikan masalah dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia adalah melalui:
(i) Pengukuhan kemahiran murid untuk mempelajari sesuatu maksud, prinsip dan konsep tentang sesuatu isi pelajaran.
(ii) Penggunaan maklumat pembelajaran dalam pelbagai situasi.
(iii) Peningkatan kemahiran murid untuk menyampaikan hujah dan pendapat, berfikiran kritis serta mahir membuat keputusan.
(iv) Peningkatan kemahiran murid untuk mengintegrasikan pengetahuan pelajaran dalam pelbagai disiplin ilmu.
(v) Penggalakan pembelajaran dalam kumpulan kecil, iaitu keperluan kepada keberkesanan pembelajaran koperatif dan kolaboratif.

Bab 7

Soalan Aneka Pilihan

1 A	**2** C	**3** C
4 B	**5** D	

Soalan Struktur

1 (a) Ada lima kriteria utama yang ditekankan dalam Pembelajaran Masteri:
(i) Penentuan hasil pembelajaran adalah menerusi objektif secara eksplisit.
(ii) Pengajaran menerusi kaedah dan teknik yang berkesan.
(iii) Penilaian hasil pembelajaran berdasarkan ujian formatif.
(iv) Penilaian hasil pembelajaran berdasarkan ujian sumatif.
(v) Pelaksanaan aktiviti pemulihan untuk murid yang belum menguasai kemahiran sepenuhnya.

(b) Lima kaedah perlu diterapkan dalam Pembelajaran Masteri:
(i) Penentuan hasil pembelajaran
(ii) Penggunaan pelbagai strategi, pendekatan dan teknik
(iii) Penilaian
(iv) Pemulihan
(v) Pengayaan

Soalan Esei

(a) Tiga ciri penting pembelajaran kolaboratif.
(i) Kewujudan satu sumber pembelajaran secara profesional menerusi rundingan persahabatan dan komen ikhlas daripada rakan-rakan.
(ii) Kedapatan mekanisme yang kuat untuk guru meninjau pandangan dan amalan pembelajaran.

(iii) Timbulnya galakan dari segi percambahan fikiran kreatif serta produktif dengan mengambil kira output berkumpulan adalah lebih baik kualitinya daripada output individu.

(b) Faktor penting yang menentukan kejayaan pembelajaran kolaboratif dalam Bahasa Malaysia, ialah:
   (i) Kesediaan murid untuk memberikan sumbangan kepada kumpulan;
   (ii) Keperluan setiap murid yang dijadikan asas utama ke arah pembentukan pembelajaran dinamik.
   (iii) Penyatuan sumber seperti kebolehan, minat, pengetahuan, kemahiran, pengalaman, personaliti dan masa, khususnya dalam konteks pelbagai disiplin bahasa.
   (iv) Kemudahan prasarana seperti bilik darjah yang sedia ada, peralatan teknologi dan bahan pembelajaran yang boleh digunakan untuk dipertimbangkan dalam menentukan keberkesanannya.
   (v) Muafakat semua murid dalam mengeksploitasikan peluang ke arah melakukan refleksi demi menggalakkan penilaian yang kritis dan analitis.
   (vi) Setiap murid perlu memiliki kekuatan ego yang cukup kuat untuk mengemukakan pendapat, fikiran serta meluahkan perasaan supaya dapat berbincang secara giat dalam kumpulan.
   (vii) Pembelajaran boleh dilihat sebagai satu hubungan persahabatan yang terjalin dan saling melengkapi.

Bab 8

Soalan Aneka Pilihan

1 D	**2** D	**3** B
4 A	**5** A	

Soalan Struktur

1 (a) Tiga tujuan pengajaran bahasa Melayu menggunakan Kaedah Tatabahasa Terjemahan
   (i) Bolehkan murid-murid memahami tatabahasa sesuatu bahasa.
   (ii) Melatih murid menulis menggunakan tatabahasa yang betul bagi sesuatu bahasa yang dikuasai/dipelajari.
   (iii) Membolehkan murid-murid menterjemahkan bahasa asing ke dalam bahasa jati atau sebaliknya.
   (iv) Dapat melengkapkan murid-murid dengan perbendaharaan kata yang luas yang dapat digunakan dalam penulisan.
   (v) Murid-murid berkebolehan membaca dan menterjemah makna bahasa asing kepada bahasa ibunda.

(b) Cara-cara guru mengaplikasikan Kaedah Tatabahasa Terjemahan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu adalah:
   (i) Murid-murid diperkenalkan kepada undang-undang tatabahasa.
   (ii) Guru memberi contoh-contoh tertentu mengenai undang-undang tatabahasa yang dipelajari.
   (iii) Murid menghafaz peraturan dan undang-undang tatabahasa dipelajari supaya tidak berlaku kesilapan.
   (iv) Murid kemudiannya diberi senarai perbendaharaan kata yang perlu dihafal.
   (v) Murid diminta membuat ayat dengan menggunakan senarai perbendaharaan kata berkenaan berdasarkan tatabahasa yang dipelajari.

Soalan Esei

(a) Prinsip-prinsip yang perlu ditekankan oleh guru adalah:
   (i) Pemilihan bahan-bahan pengajaran
   (ii) Penyusunan bahan-bahan pengajaran
   (iii) Kawalan masa pengajaran
   (iv) Pemeringkatan bahan-bahan pengajaran

(b) (i) Bahan perlu dirancang terlebih dahulu dari segi latar belakang keluarga, pengalaman, kecenderungan dan kebolehan murid.
   (ii) Pemilihan dan susunan yang dilakukan perlu diperingkat-peringkatkan mengikut kesesuaian.
   (iii) Kaedah yang hendak digunakan, penguasaan kemahiran bahasa haruslah

mengikut susunan kemahiran, iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

(iv) Aktiviti pengajaran perlu menjadi tarikan bermakna dengan mengambil kira penggunaan kaedah yang benar-benar sesuai

Bab 9

Soalan Aneka Pilihan

1 B	**2** C	**3** D
4 A	**5** D	

Soalan Struktur

1 (a) Tiga aspek kebolehan yang ditekankan semasa guru menggunakan kaedah latih tubi ialah:
(i) Sebutan tatabahasa
(ii) Perbendaharaan kata
(iii) Kefasihan
(iv) Kefahaman

(b) Dua kelemahan teknik latih tubi dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu:
(i) Mengehadkan kebebasan berfikir
(ii) Mengehadkan penumpuan daya kreativiti murid.

Soalan Esei

(a) Lima objektif permainan bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia di sekolah adalah:
(i) Merangsang interaksi verbal murid
(ii) Menambahkan kefasihan dan keyakinan
(iii) Menyediakan konteks pembelajaran yang luas dan terbuka
(iv) Bertindak sebagai alat yang dapat mengikis kebosanan
(v) Bertindak sebagai alat pemulihan, pengukuhan dan pengayaan

(b) Lima kelebihan permainan bahasa adalah:
(i) Untuk membolehkan murid membiasakan diri menyebut sesuatu bunyi dengan jelas, betul dan tepat.
(ii) Sebagai bahan rangsangan sama ada semasa memulakan sesuatu pelajaran pada pertengahan atau akhir pembelajaran.
(iii) Teknik ini berperanan meningkatkan kefahaman murid terhadap pembelajaran.
(iv) Teknik ini berupaya menghilangkan rasa letih dan bosan setelah murid sehari suntuk belajar.
(v) Keseronokan bermain akan menghidupkan keinginan murid-murid untuk belajar, berfikir, mendengar dan mengeluarkan buah fikiran secara berkesan.

Bab 10

Soalan Aneka Pilihan

1 D	**2** B	**3** A
4 C	**5** A	

Soalan Struktur

1 (a) Manfaat penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran adalah:
(i) Berupaya meningkatkan kefahaman dan keupayaan murid dalam pelajaran.
(ii) Memberikan peluang pembelajaran yang sama kepada semua murid dengan pelbagai keupayaan.
(iii) Meningkatkan motivasi murid.
(iv) Membolehkan pembelajaran bersendiri atau *individualise learning*.
(v) Membolehkan murid mengakses maklumat yang sukar diperoleh.
(vi) Mewujudkan suasana pembelajaran yang mencabar dan menyeronokkan.
(vii) Membolehkan murid mencuba atau melaksanakan eksperimen yang sukar, terlalu mahal, mustahil atau bahaya dilakukan dengan cara biasa.
(viii) Meningkatkan kreativiti dan imaginasi murid.
(ix) Memberikan peluang kepada murid untuk belajar secara lebih berkesan dengan bimbingan yang minimum.

(b) Tiga kategori penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam

pengajaran dan pembelajaran kepada tiga adalah:
(i) Pertukaran interpersonal
(ii) Koleksi maklumat
(iii) Melibatkan penyelesaian masalah

Soalan Esei

1 (a) Lima komponen yang terdapat dalam Kemahiran Belajar adalah:
(i) Kemahiran mendengar—aktiviti aktif yang melibatkan kefahaman dan pemprosesan maklumat yang didengar.
(ii) Kemahiran membaca—membaca bermaksud satu proses kompleks yang melibatkan proses komunikasi antara pembaca dengan penulis melalui tulisan yang dibaca.
(iii) Kemahiran menulis—melibatkan kemahiran menulis dengan cepat dengan menekankan kepada aspek kelajuan semasa menulis dan tulisan yang digunakan boleh dibaca semula.
(iv) Kemahiran mencatat nota—aktiviti merekodkan fakta, maklumat dan isi penting daripada bahan yang dibaca, dilihat atau didengar.
(v) Kemahiran mengingat—bertujuan mengingat kembali dengan menyebut atau menulis fakta dan kejadian yang telah berlaku.

(b) Sebab-sebab Kemahiran Belajar ini penting untuk dikuasai oleh murid-murid adalah:
(i) Masa mengajar di dalam bilik darjah adalah terhad.
(ii) Perlunya rasa tanggungjawab murid terhadap pembelajaran.
(iii) Menanam dan menyemai kemahiran belajar sepanjang sama/seumur hidup.
(iv) Meningkatkan kemahiran murid dalam sesuatu kemahiran.
(vi) Murid berpeluang mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran dalam situasi lain.
(vii) *Jawapan lain yang sesuai.*

Bab 11

Soalan Aneka Pilihan

1 D	2 B	3 B
4 D	5 D	

Soalan Struktur

1 (a) Dua tujuan pelaksanaan PKJR adalah:
(i) Mendidik pemandu dan pengguna jalan raya supaya tidak mengambil risiko.
(ii) Memperlengkapkan diri dengan ilmu serta kemahiran berkaitan.

(b) Empat tema pelaksanaan PKJR adalah:
(i) Sikap dan tanggungjawab
(ii) Persekitaran
(iii) Kenal pasti bahaya
(iv) Melintas dengan selamat

Soalan Esei

1 (a) Rasional PKJR adalah:
(i) Pertambahan jumlah penduduk Malaysia
(ii) Pertambahan jumlah kenderaan
(iii) Meningkatnya kes kemalangan jalan raya
(iv) Meningkatnya bilangan kemalangan maut.

(b) Empat konsep dalam Pelan Keselamatan Jalan Raya adalah:
(i) Kejuruteraan
(ii) Pendidikan
(iii) Penguatkuasaan
(iv) Alam sekitar

Bab 12

Soalan Aneka Pilihan

1 D	2 A	3 C
4 C	5 A	

Soalan Struktur

1 (a) Dua kepentingan menulis rancangan pengajaran bahasa adalah:
(i) Satu pelan tindakan oleh guru dalam proses pelaksanaan pengajaran.
(ii) Refleksi terhadap aktiviti guru, penglibatan murid dan interaksi

dalam kalangan murid di dalam bilik darjah.

(b) Tiga sebab rancangan pengajaran bahasa perlu disediakan oleh guru adalah:
   (i) Mencapai objektif pengajaran
   (ii) Menentukan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran
   (iii) Memilih dan menggunakan strategi pengajaran yang paling berkesan
   (iv) Memaksimumkan sumber guru, ruang, murid, masa, dan alat bantu mengajar
   (v) Menghabiskan sukatan pelajaran

Soalan Esei

1 (a) Dua bentuk penulisan X (objektif) menurut Krathwohl (1971) ialah:
   (i) Objektif implisit
      – juga dikenali objektif umum
      – melibatkan perubahan tingkah laku yang ketara dan menyeluruh
      – seperti memahami, mengetahui atau menghargai sesuatu yang telah diajar.
   (ii) Objektif eksplisit
      – dikenali objektif khusus
      – membabitkan perubahan tingkah laku yang boleh dilihat dan dinilai.
      – seperti menyenaraikan, menjelaskan, memberikan contoh dan menunjukkan cara yang betul terhadap apa-apa yang telah diajarkan.

(b) Tiga aspek penting sebelum menulis objektif pengajaran ialah:
   (i) Pengetahuan sedia ada murid
   (ii) Isi pelajaran
      – pernyataan
      – fakta
      – konsep
      – prinsip
   (iii) Cadangan aktiviti yang sesuai dalam proses pengajaran dan pembelajaran.